



## SOALAN LAZIM (FAQ) MENGENAI RAYUAN GERAN KHAS PRIHATIN

### 1. Bilakah tarikh tempoh permohonan Rayuan Geran Khas PRIHATIN (GKP) bermula?

Permohonan rayuan boleh dibuat bagi pemohon berstatus TIDAK LULUS bermula 3 Jun sehingga 15 Jun 2020.

### 2. Bagaimanakah prosedur untuk mengemukakan permohonan Rayuan GKP?

Permohonan Rayuan GKP perlu dibuat secara dalam talian sahaja menerusi Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my>). Tiada permohonan Rayuan GKP secara manual di cawangan-cawangan LHDNM.

### 3. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan bagi membuat permohonan Rayuan GKP?

Dokumen sokongan yang perlu dimuat naik di Portal GKP oleh pemohon bagi setiap kategori rayuan adalah seperti berikut:

KOD ALASAN	ALASAN TIDAK LULUS	DOKUMEN
01	Pekerja melebihi 4 orang	<ul style="list-style-type: none"><li>Borang Pendaftaran Majikan PERKESO / Borang Pendaftaran Pekerja PERKESO / Borang 8A PERKESO / Borang Permohonan Pendaftaran Majikan KWSP / Borang A KWSP / dokumen sokongan yang berkaitan</li></ul>
03	Tiada pendapatan – perniagaan dianggap tidak aktif	<ul style="list-style-type: none"><li>Penyata kewangan bagi tahun berakhir 2018 / 2019</li></ul>
05	Jualan melebihi RM300,000	
04	VIP / Individu Berprofil Tinggi	<ul style="list-style-type: none"><li>Pengakuan pemohon / suratakuan</li><li>Dokumen sokongan berkaitan</li></ul>
06	Pasangan telah lulus	<ul style="list-style-type: none"><li>Rujuk jawapan pada soalan No. 4</li></ul>
07	Tidak berdaftar dengan SSM / LHDNM / PBT	<ul style="list-style-type: none"><li>Sijil Pendaftaran Perniagaan</li></ul>

Setiap permohonan rayuan hanya dibenarkan memuat naik 3 lampiran dokumen sokongan yang bersaiz maksimum 2MB bagi setiap dokumen. Format dokumen yang dibenarkan adalah JPEG, JPG, PDF dan PNG sahaja.

### 4. Mengapakah saya gagal untuk membuat Rayuan GKP bagi permohonan berstatus TIDAK LULUS?

Permohonan Rayuan GKP tidak boleh dibuat bagi situasi seperti berikut;

- Melaporkan jumlah jualan melebihi RM300,000 pada borang permohonan GKP;
- Pasangan telah membuat permohonan berasingan dan lulus GKP bagi perniagaan yang sama;
- Perniagaan didaftarkan pada tahun 2020; atau

iv. Perniagaan tidak berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum atau pada 31 Disember 2019.

**5. Saya berstatus TIDAK LULUS atas Perniagaan A, adakah saya boleh membuat permohonan Rayuan GKP atas Perniagaan B?**

Pertukaran perniagaan bagi tujuan Rayuan GKP adalah tidak dibenarkan.

**6. Semakan status permohonan GKP saya TIADA REKOD, adakah permohonan Rayuan GKP boleh dibuat?**

Tempoh permohonan GKP telah ditutup pada 15 Mei 2020 (Jumaat). Tiada permohonan baharu GKP dalam tempoh Rayuan GKP.

**7. Bilakah semakan status permohonan Rayuan GKP boleh dibuat?**

Semakan status permohonan Rayuan GKP boleh dibuat mulai 22 Jun 2020 (Isnin) secara dalam talian melalui portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

**8. Bilakah tarikh pembayaran Rayuan GKP akan dibuat?**

Pembayaran permohonan Rayuan GKP akan dibuat mulai 29 Jun 2020 (Isnin).

**9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin mendapatkan pengesahan berkaitan permohonan rayuan GKP?**

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan rayuan GKP boleh hubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara).

Disediakan pada **1 Jun 2020**.